

KUASA DAN PERANAN RAJA-RAJA MELAYU DALAM PERLEMBAGAAN: SEJARAH DAN MASA DEPAN*

*Shamrahayu A. Aziz***

Pendahuluan

Hakikat sejarah yang kita tidak dapat dinafikan ialah, raja-raja Melayu merupakan pencetus dan menjadi dasar kepada identiti tanahair kita. Perkara ini telah diambil perhatian dalam proses penggubalan Perlembagaan dalam membentuk Malaysia sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat. Menerusi dua institusi raja-raja, iaitu Majlis Raja-Raja dan Yang di-Pertuan Agong, Perlembagaan Persekutuan meletakkan raja-raja Melayu pada suatu yang tempat yang tinggi dan penting. Terdapat pelbagai peruntukan khusus mengenai Majlis Raja-Raja dengan kuasa dan peranan yang tertentu. Manakala Yang di-Pertuan Agong pula diangkat sebagai Ketua Utama Negara. Baginda sebahagian daripada Badan Perundangan atau Parlimen. Baginda juga diletakkan oleh Perlembagaan Persekutuan dengan kuasa Pelaksana atau kuasa eksekutif.

Mengambil pengiktirafan kepada institusi raja sebagaimana diringkaskan di atas, kertas ini cuba menghuraikan isu-isu tertentu mengenai sejarah dan juga masa depan institusi raja di Negara ini. Perbincangan mengenai sejarah raja Melayu diringkas bagi menepati objektif diskusi pada bahagian ini, yang memberi perhatian kepada kedudukan semasa institusi perajaan. Pendekatan yang diambil ialah dengan menganalisa beberapa perkara berkaitan kedudukan raja-raja Melayu di dalam Perlembagaan Persekutuan dan mengaitkannya dengan beberapa isu semasa bagi melihat apakah pula kemungkinan dan saranan yang boleh dibuat bagi membolehkan institusi raja kekal relevan. Isu-isu semasa ini saya garap daripada beberapa perbincangan 'orang ramai' yang saya pilih dan fikirkan penting untuk diketengahkan dan perlu mendapat perhatian akademik.¹ Kertas ini juga membuat rujukan kepada kedudukan institusi raja di negara-negara lain secara sepintas lalu bagi menilai penambahbaikan yang boleh dilakukan dalam konteks negara kita. Sementara itu, aspek 'sejarah' yang cuba diulas di sini hanya merujuk kepada sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan. Saya tidak berniat untuk melihat secara mendalam mengenai kuasa dan peranan raja-raja Melayu sebelum proses komprehensif penggubalan Perlembagaan Persekutuan. Ini kerana skop tersebut begitu luas dan sudah tentu memerlukan pakar sejarah untuk membuat kajian dan perincian.

*Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Perlembagaan Malaysia: 'Di Antara Sejarah dan Tuntutan Semasa' yang dianjurkan oleh Arkib Malaysia, di Auditorium Memorial Tunku Abdul Rahman Putra, Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur, pada 5 Julai 2012

**Prof. Madya, Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Jalan Gombak. Beliau boleh dihubungi melalui emel shamrahayu@gmail.com

¹ Bicara 'orang ramai' ini saya kumpul menerusi pertemuan khusus, sama ada terancang atau tidak, serta perkara yang saya baca menerusi laman-laman web - blog dan sebagainya

Sedikit Latar Belakang Sejarah

Kefahaman mengenai kedudukan raja-raja Melayu tidak menjadi lengkap jika tidak dihayati falsafah hidup orang-orang Melayu, terutamanya dalam aspek 'kedirajaan'. Ada pandangan yang menggambarkan Raja-raja Melayu bukan sahaja puncak kepada ketuanan Melayu, tetapi juga mempunyai ciri-ciri *kerabbanian* atau 'bayangan Tuhan di muka bumi'. Ringkasnya, hakikat sejarah bahawa Raja-Raja Melayu merupakan sumber kekuasaan sudah begitu sinonim dengan falsafah masyarakat Melayu. Kekuasaan tersebut diujahkan oleh sesetengah penulis sebagai satu warisan yang dirujuk kepada kehendak agama Islam. Walau apa juga pandangan atau kritikan terhadap pendapat ini, ia menunjukkan kedudukan yang begitu tinggi bagi dipadankan dengan status raja-raja dalam masyarakat Melayu.

Secara umumnya, kuat atau lemah seorang Raja, menurut sejarah, pentadbiran Negara dilaksanakan dengan persetujuan baginda. Ini menunjukkan peranan raja begitu penting dalam pentadbiran walaupun adakalanya pernyataan seperti 'rulers reign but not rule' sentiasa kita dengar.

Sebagaimana penganalisaan yang dibuat oleh pengkaji sejarah, faktor-faktor yang menyebabkan campurtangan asing di Tanah Melayu adakalanya dikaitkan dengan kelemahan dalam kepemimpinan atau pertelagahan antara Raja-Raja. Walauapa juga yang disebut dalam kajian fakta (atau tafsiran sejarah) tersebut, tindakan raja-raja Melayu pada ketika itu, atas apa juga alasan yang menyebabkan campurtangan asing di Tanah Melayu, institusi raja telah kekal dan dihormati oleh kuasa asing, terutamanya British. Jika dibandingkan dengan India dan Indonesia, insitusi raja telah terhapus semasa penjajahan atau pentadbiran kuasa asing.

Dalam pengalaman sejarah penjajahan atau pentadbiran British di negara kita, pengenalan Sistem Residen oleh British dengan Penubuhan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah mengurangkan kedudukan sosio-politik Raja-Raja Melayu. Baginda dipaksa menerima tafsiran British kepada Perjanjian Pangkor walaupun pentadbiran negara umumnya dilaksanakan dengan persetujuan raja-raja (Royal's consent). Walaupun begitu, raja-raja penghormatan British terhadap kedaulatan raja-raja Melayu dapat dilihat dalam keputusan mahkamah seperti kes *Duff Development* (negeri Kelantan) dan *Sultan Abu Bakar* (negeri Johor).

Selain daripada itu, dalam 'perbicaraan' memorandum raja-raja Melayu kepada Suruhanjaya Perlembagaan, kita dapat menyaksikan keprihatinan para ahli Suruhanjaya berkenaan kesediaan raja-raja Melayu menerima sistem raja berperlembagaan (constitutional monarch). Dalam 'perbicaraan' Mr. Neil Lawson Q.C, peguam yang mewakili raja-raja Melayu ditanya oleh ahli Suruhanjaya mengenai perkara ini. Suruhanjaya Perlembagaan berpuas hati dengan kesediaan tersebut setelah diyakinkan dengan peruntukan yang telah dimaktubkan dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Sebagaimana kita maklum, raja berperlembagaan merujuk kepada sistem pentadbiran yang meletakkan raja-raja di bawah naungan 'nasihat' kabinet. Yang mana, secara konvensyen, nasihat tersebut hendaklah dipatuhi. Sekiranya raja-raja Melayu bersedia untuk menerima sistem raja berperlembagaan ini, ia bermakna raja-raja Melayu tidak lagi mempunyai kuasa

mutlak. Jika kita nilai daripada sejarah, amat tidak benar sekiranya dikatakan bahawa raja-raja Melayu terdahulu telah menggunakan kuasa mutlak. Jika kita lihat kenyataan sebegini dalam tulisan ahli-ahli sejarah barat, penemuan dan penegasan yang begitu bertentangan telah dapat disaksikan dalam penulisan dan kajian mutakhir seperti Kobkua Suwannathat-Pian dalam bukunya *Palace, Political Party and Power*².

Raja-Raja Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perundangan

Sebelum diperhalusi peruntukan Perlembagaan mengenai raja-raja Melayu, saya ingin membuat sedikit ulasan berkaitan Perlembagaan itu sendiri. Ulasan ini bertujuan memberi gambaran menyeluruh kepada kedudukan Perlembagaan dan hubungkaitnya dengan institusi raja.

Dua perkara yang mendasari perbincangan ini ialah, pertama, Perlembagaan adalah simbol kemerdekaan dan kedua, Perlembagaan juga adalah identiti negara. Dua perkara ini begitu asas untuk kita fahami kerana, tanpa Perlembagaan, kita tidak akan diiktiraf sebagai negara merdeka dan berdaulat, dan tanpa Perlembagaan kita tidak mungkin dapat mencipta falsafah atau identiti negara.

Walaupun pengisian Perlembagaan pada asalnya adalah, 'cakap-cakap politik' apabila dimaktubkan dalam Perlembagaan 'cakap-cakap' tersebut menjadi satu 'institusi'. Dalam konteks ini 'institusi' merujuk kepada sesuatu (termasuk budaya dan amalan) yang berakar umbi dan menjadi kukuh dalam masyarakat kita. Kesannya 'institusi' ini membina identiti negara. Dalam kata lain, dapat juga dikatakan bahawa, dalam membentuk Perlembagaan serta membina identiti dan institusi, tatarajah socio-politik menjadi begitu penting. Yang demikian, sebagai sebuah 'institusi', tatarajah socio-politik tidak mudah untuk di padam dalam melaksanakan peruntukan Perlembagaan.

Dalam hal berkaitan, ada juga golongan yang berhujah bahawa Perlembagaan itu adalah 'organic' – sesuatu yang hidup dan berubah-ubah, serta boleh diubah. Perlembagaan perlu diubah suai mengikut keadaan dan perubahan. Sebagai satu bentuk undang-undang, Perlembagaan adalah 'organic' dan boleh bagi membolehkan ia sesuai dan dapat dimanfaatkan sepanjang masa. Tetapi, apa yang penting untuk difikirkan ialah, secara realitinya, adakah disebabkan sifat 'organic' dan boleh ubah dan berubah itu bermaksud ia boleh sewenang-wenang diubah tanpa memberi perhatian kepada 'institusi' dan tatarajah socio-politik. Terutamanya apabila perubahan tersebut sesuatu yang begitu 'revolusionary' – radikal, keras, mendadak serta menyeluruh.

Berbalik kepada 'institusi' atau tatarajah socio-politik negara berkaitan raja-raja Melayu di negara kita, hakikatnya, ia telah berakar umbi dalam falsafah masyarakat Melayu. Ia juga telah dimaktubkan dengan kemas dalam Perlembagaan. Dalam Perlembagaan Persekutuan institusi raja-raja Melayu umumnya diwakili oleh institusi Yang di-Pertuan Agong dan Majlis

² Kobkua Suwannathat-Pian, *Palace, Political Party and Power: A Story of the Socio-Political Development of Malay Kingship*, (2011) Singapore: NUS, terutamanya ms.15 – 17

Raja-Raja. Peruntukan-peruntukan ini secara harfiah dan amalannya telah membentuk identiti negara.

Di bawah adalah serba ringkas mengenai instusi raja dalam Perlembagaan Persekutuan.

Perlembagaan Persekutuan meletakkan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua utama negara (per. 32), yang secara undang-undangnya menganggotai tiga badan kerajaan, iaitu badan Perundangan (Legislatif), Badan Pemerintah (Eksekutif) dan Badan Kehakiman (Judisiari). Perkara 44 meletakkan Yang di-Pertuan Agong sebagai satu daripada tiga unsur Parlimen. Baginda mempunyai kuasa memanggil, menangguh dan membubarkan Parlimen (per. 55) serta meletakkan cop mohor kepada Rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Badan Perundangan dalam proses penggubalan undang-undang (per. 66).

Baginda merupakan Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera (per. 41). Yang di-Pertuan Agong berkuasa mengampunkan dan menangguhkan sesuatu hukuman (per. 42). Baginda bertanggungjawab menjaga dan memelihara kedudukan dan hak istimewa orang Melayu serta kepentingan bangsa lain (per. 153). Melalui kuasa budi bicara, menitahkan Majlis Raja-Raja Melayu mengadakan mesyuarat bagi membincangkan keistimewaan, kedudukan, kehormatan dan kemuliaan Raja-Raja Melayu (per. 40(2)(c)), Yang di-Pertuan Agong merupakan ketua agama Islam bagi negeri baginda sendiri, Pulau Pinang, Melaka, Wilayah Persekutuan, Sarawak dan Sabah (per. 3). Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa budi bicara untuk melantik Perdana Menteri daripada mana-mana ahli Dewan Rakyat yang pada hemat baginda mungkin mendapat kepercayaan (per. 40(2)(a) dan 43(2)(a)). Baginda juga boleh menggunakan kuasa budi bicara untuk membubar Parlimen sekiranya terdaapt permintaan Perdana Menteri (per. 40(2)(a)(b)). Baginda mempunyai kuasa melantik dan melucutkan jawatan Jemaah Menteri dan Timbalan Menteri setelah mendapat nasihat Perdana Menteri (per. 43(5)). Yang di-Pertuan Agong boleh membuat pengisytiharan darurat (per. 150) dan juga membuat undang-undang (ordinan) darurat sekiranya kedua-dua Dewan Parlimen tidak bersidang secara serentak (per. 150(2B)). Atas nasihat Perdana Menteri, baginda mempunyai kuasa melantik ahli suruhanjaya-suruhanjaya yang ditubuhkan oleh Perlembagaan, seperti Suruhanjaya Polis (per. 140), Pelajaran (per. 141A). Baginda juga melantik Peguam Negara atas nasihat Perdana Menteri (per. 145).

Selain daripada kuasa dan peranan, kedudukan institusi raja dijamin oleh Perlembagaan. Antaranya, Walaupun ahli Dewan Parlimen mempunyai kebebasan untuk membuat apa-apa pernyataan berkaitan raja-raja Melayu, namun, mereka tidak dibenarkan untuk menganjurkan atau mencadangkan pemansuhan institusi raja dalam apa juga prosiding Parlimen (per. 63(5)). Pindaan Perlembagaan terhadap apa juga peruntukan berkaitan Majlis Raja-Raja (per. 380 dan keutamaan raja (per. 70) juga tidak boleh dilaksana tanpa perkenan Majlis Raja-Raja (per. 159(5)).

Dalam aspek perundangan, kedudukan raja-raja Melayu agak terselamat – bukan sahaja atas kapasiti kedudukan umum, tetapi juga keselamatan diri. Di samping peruntukan Perlembagaan sepertimana yang telah disebut di atas, undang-undang jenayah negara juga menjaga kedudukan raja-raja Melayu. Undang-undang yang begitu relevan ialah Kanun Keseksaan. Tindakan menentang Raja, yang dikategorikan sebagai kesalahan terhadap

negara, adalah kesalahan yang boleh dihukum penjara seumur hidup ataupun hukum bunuh. Misalnya kesalahan berperang melawan Raja-Raja. Hukuman bunuh juga boleh dikenakan ke atas mana-mana orang yang didapati bersalah melakukan kesalahan terhadap tubuh badan Raja atau bakal pengganti raja. Sementara itu penjara seumur hidup atau denda boleh dikenakan ke atas mana-mana orang yang dibuktikan sebagai merancang untuk memecat atau melucutkan raja daripada takhta mereka.

Isu-Isu Semasa dan Masa Depan Raja-Raja Melayu

Raja Berperlembagaan

Kita sentiasa mendengar konsep ini ketika membincangkan kedudukan raja-raja Melayu di Negara kita. Apa sebenarnya maksud 'Raja Berperlembagaan' dalam konteks Negara kita dan setakat manakah pula amalannya. Pada umumnya kita fahami bahawa Raja berperlembagaan bermaksud raja yang hanya bertindak atas nasihat Jemaah Menteri. Walaupun asalnya istilah beritndak atas nasihat ini merupakan amalan atau konvensyen perlembagaan, 'kewajipan' ini telah di maktubkan dalam Perlembagaan dengan wujudnya per. 40 dan ditambah lagi dengan pindaan Perlembagaan pada tahun 1994 dengan memasukkan fasal (1A).

Bagaimana pun, terdaapt tiga kuasa budi bicara Yang di-Pertuan Agong, iaitu sebagaimana termaktub dalam per. 40(2)(a)(b) dan (c). Kuasa budi-bicara bermaksud, Yang di-Pertuan Agong tidak perlu menerima atau menunggu nasihat Jemaah Menteri dalam melaksana tiga perkara tersebut.

Antara kuasa budi-bicara Yang di-Pertuan Agong yang sentiasa mencari perbahasan secara ilmiah atau politik ialah kuasa budi-bicara untuk membubarkan Parlimen setelah terdapat 'permintaan' Perdana Menteri.

Di peringkat Persekutuan, kita belum pernah melihat kuasa ini dilaksana atau cuba dilaksana oleh Yang di-Pertuan Agong. Sebagaimana pengalaman di negeri-negeri, seperti Perak dan Kelantan kita telah melihat kuasa budi-bicara raja-raja Melayu telah dilaksanakan. Terdapat pelbagai reaksi, komen dan protes yang dibuat oleh pelbagai pihak. Namun, dari segi peruntukan perlembagaan, ia adalah kuasa budi-bicara raja dan dari sudut sejarah, kuasa ini telah diperjelaskan dalam segmen Ringkasan Cadangan Suruhanjaya Perlembagaan dahulu³. Selain daripada itu, peruntukan Perlembagaan tersebut menggunakan perkataan 'permintaan' bagi membezakannya dengan perkara-perkara yang memerlukan raja-raja bertindak menurut 'nasihat'.

Dalam konteks, setelah kita memahami bahawa raja-raja Melayu adalah raja berperlembagaan, maka, persoalannya ialah, adakah raja-raja boleh menolak nasihat jemaah Menteri dalam perkara yang tidak tertakluk dalam fasal-fasal kuasa budi-bicara? Jika diperhatikan peruntukan dan konvensyen, ia seolah-olah mencadangkan supaya semua nasihat perlu dipatuhi oleh Yang di-Pertuan Agong. Ini sebenarnya sukar dinyatakan sama adala boleh atau tidak atau, berperlembagaan atau tidak untuk raja-raja tidak menerima

³ Laporan Suruhanjaya Perlembagaan, Bab XII, para. 18

nasihat Perdana Menteri sekiranya nasihat tersebut memudaratkan falsafah negara. Oleh itu, walaupun baginda adalah raja berperlembagaan, dalam keadaan sukar dan bercanggah dengan falsafah negara, maka, baginda harus bijaksana dan berwibawa dalam mengimbangi kedua perkara ini. Dalam membuat pertimbangan tersebut, sudah tentu kepentingan negara perlu diberi keutamaan. Sebagaimana Raja Bhumibol, baginda dilihat dalam banyak ketika menggunakan kewibawaan dan kebijaksanaan baginda walaupun baginda juga merupakan raja berperlembagaan.

Dalam konteks ini raja berperlembagaan perlu disabitkan kepada raja yang mementingkan keadilan dan mengutamakan kepentingan rakyat dan negara. Oleh yang demikian, raja berperlembagaan tidak seharusnya menjadi benteng atau halangan kepada raja-raja Melayu untuk menegaskan pendapat dan kewibawaan baginda dalam perkara-perkara yang pada hemat baginda adalah bagi kepentingan negara. Sebagai contoh, perkara yang begitu menjadi perhatian kita sekarang ialah penyatuan umat Melayu Islam. Dalam hal ini, kebijaksanaan, kewibawaan dan ketegasan baginda sangat diperlukan bagi memastikan masalah perpecahan tidak akan memudaratkan negara.

Cap Mohor Besar ke atas Rang Undang-Undang

Pindaan yang tidak mewajibkan cap Mohor Besar Yang di-Pertuan Agong kepada sesuatu Rang Undang-undang telah mengundang perbincangan dan kritikan banyak pihak. Dari satu sudut, pindaan tersebut telah mengurangkan kuasa raja sebagai satu daripada unsur dalam Parlimen. Pindaan tersebut juga telah meremehkan peranan raja dalam menangani pengaruh politik dalam undang-undang yang diluluskan Parlimen. Namun begitu, jika dilihat daripada aspek lain, pindaan tersebut menepati citarasa tertentu dalam demokrasi, yang mahu menjauhkan pihak atau institusi yang bukan dipilih menerusi pilihan raya daripada terlibat dalam penggubalan undang-undang.

Sekiranya dinilai daripada sejarah atau amalan sebelum pindaan Perlembagaan (1984 dan 1994), yang di-Pertuan Agong tidak pernah dilaporkan sebagai menolak apa juga Rang Undang-Undang yang telah diluluskan oleh kedua-dua Dewan/Majlis Parlimen sehingga menafikan demokrasi. Oleh itu kritikan terhadap pindaan tersebut adalah juga mempunyai asas. Sekiranya dilihat dari aspek lain, pindaan tersebut telah meminggirkan institusi Yang di-Pertuan Agong sebagai 'penapis' atau 'semak dan imbang' kepada sebarang undang-undang, yang walaupun digubal menerusi 'demokrasi', terutamanya yang boleh mencemar falsafah negara – termasuk kedudukan agama. Peranan cap Mohor Besar kepada Rang Undang-Undang juga dapat menjaga prinsip 'constitutionalism' yang secara ringkasnya sebagai konsep pemerintahan yang bersandarkan kepada mekanisme semak dan imbang.

Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera

Peranan Yang di-Pertuan Agong sebagai Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera ini tidak pernah menjadi isu hangat. Ia sebenarnya amat bermanfaat untuk diketengahkan dalam khalayak kerana peranan Yang di-Pertuan Agong ini begitu penting dalam keadaan negara menghadapi kesukaran politik atau juga serangan daripada negara luar. Ketika mana pihak berkuasa dalam keadaan aman seperti pasukan Polis Diraja Malaysia sudah tidak mampu lagi menjaga kesejahteraan dan keselamatan negara. Walaupun pengalaman negara

belum menyerlahkan kuasa dan peranan Yang di-Pertuan Agong ini, namun ia hendaklah sentiasa diingat oleh kahlayak. Pengalaman Raja Thai yang telah mendepani lebih kurang 18 kali rampasan kuasa adalah baik untuk kita memahami peranan Yang di-Pertuan Agong sebagai Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera. Oleh itu, per. 41 Perlembagaan Persekutuan ini hendaklah diberi perhatian sewajarnya.

Kritis atau Protes Terhadap Raja-Raja Melayu

Sikap kritis atau juga protes dari kalangan yang diperintah bukan perkara baru dalam pentadbiran atau pelaksanaan kuasa. Dalam apa juga sistem kita akan menemui perkara ini. Sama ada protes menentang sistem politik feodal atau protes yang tidak sampai ke tahap itu adalah perkara yang biasa berlaku dalam mana-mana negara sekalipun. Sama ada baik atau buruk sikap ini satu perkara lain yang tidak menjadi isu dalam kertas kerja ini. Ia perlu dibicangkan dalam forum yang lain.

Dalam perkembangan semasa, tidak dapat tidak, kita terpaksa menanggung, sekiranya ada tempas dari gelombang teknologi maklumat serta gelombang hak asasi yang berlaku di luar negara. Kita tidak boleh leka dan kita harus sedar bahawa protes (terutamanya dalam bentuk pernyataan, walaupun bukan demonstrasi atau tunjuk perasaan) dan kritikan tersebut berlaku. Perkara ini memerlukan kematangan rakyat dan juga raja, serta majlis penasihat raja untuk menangani protes atau kritik dalam era semasa.

Dalam pengalaman negara jiran yang begitu kukuh dengan sistem beraja, Raja Thailand contohnya pernah mendepani protes pelajar ketika tindakan keras ke atas komunis. Raja Thailand telah dapat menangani protes tersebut. Selain daripada itu, Raja Thailand juga terpaksa mendepani situasi politik negara yang begitu hebat sehingga berbelas pengambilalihan kuasa politik telah berlaku di Thailand. Dalam mendepani isu sebegitu sudah tentu, sekiranya tanpa kebijaksanaan dan kewibawaan, sudah tentu institusi raja di negara tersebut juga akan tercalar.

Kewibawaan Raja Bhumibol Adulyadej di Thailand sudah terserlah. Kewibawaan tersebut menjadi elemen penting dalam mendepani protes pelbagai situasi di negara itu. Kewibawaan seperti itu bukan sahaja dapat menyelamatkan institusi raja, tetapi juga kelangsungan kedaulatan negara.

Namun, perkara sebaliknya telah berlaku di Nepal. Nepal, yang dahulunya sebuah negara Hindu Monarki telah melupakan sistem beraja dan membentuk sebuah negara sekular republik pada tahun 2008. Terdapat penganalisis yang menyatakan bahawa antara sebab yang menyumbang kepada pemansuhan institusi raja dan agama di negara tersebut ialah tiadanya kewibawaan raja yang memerintah.

Keistimewaan Melayu dan Kepentingan Bangsa Lain

Yang di-Pertuan Agong dipertanggung jawab untuk menjaga kepentingan bangsa lain. Kita dapati banyak perbincangan mengenai perkara ini dan adakalanya ia begitu hangat diperdebat – kebanyakannya atas tujuan perolehan politik. Apa yang diwujudkan dalam Perlembagaan menerusi per. 153 ini ialah bagi menjaga kedudukan orang-orang Melayu tanpa mengabaikan kedudukan dan kepentingan bangsa lain. Dalam melaksana

tanggungjawab berkenaan perkara ini, kita harus mengambil perhatian kepada peranan asas yang perlu dilaksana oleh raja, iaitu sebagai simbol perpaduan. Institusi raja telah diterima sebagai simbol perpaduan ini tidak dipertikaikan lagi. Jika dilihat kepada peruntukan harfiah Perlembagaan Persekutuan, peranan ini tidak dimaktubkan dalam bentuk perincian dalam Perlembagaan. Namun begitu, ia begitu tertanam dalam falsafah negara yang terbentuk atas pelbagai perbezaan dan kelainan. Bukan sahaja perbezaan dan kelainan dari segi bangsa dan budaya, tetapi juga dari segi kedudukan ekonomi. Perbezaan dan kelainan tersebut secara nalurinya memerlukan suatu mekanisme penyatuan; supaya tiada satu merasa tersisih. Itulah juga matlamat dan hasrat pembentukan identiti sesebuah negara. Ini bermaksud, raja bukan hanya raja kepada sesuatu bangsa, atau golongan dan puak tertentu sahaja. Baginda juga bukan raja kepada yang kaya atau yang miskin sahaja. Sebagai simbol perpaduan Raja adalah raja kepada semua; tanpa mengira bangsa, agama, puak, status sosial dan status fiskal. Itulah yang mahu dicernakan dalam konsep raja sebagai simbol penyatuan itu. Implementasi dan pengukuhan oleh institusi raja mengenai perkara ini hendaklah diletakkan sebagai keutamaan dalam menjamin bukan sahaja kelangsungan institusi raja, tetapi yang lebih penting, kelangsungan Malaysia sebagai sebuah negara yang aman dan maju.

Penutup

Bagi menjamin kelangsungan tradisi institusi raja, sudah tentu perubahan perlu berlaku dalam institusi raja. Ini akan menjadikan kedudukan institusi tersebut selaras dengan selaras dengan tuntutan masa. Sikap tekun memajukan diri, berkongsi kekayaan dan membuat penegasan dalam beberapa perkara adakalanya sangat diperlukan. Walaupun kedudukan institusi raja dalam Perlembagaan dan sistem perundangan negara agak menyerlah, kita tidak boleh mengharap apa yang terpahat dalam undang-undang itu tidak terhakis. Ini kerana apa yang disebut mengenai Perlembagaan ialah, ia undang-undang organik yang boleh diubah serta bergantung dan berpunca kepada tatarajah politik. Selain daripada itu, sistem monarki dan berperlembagaan tidak patut dijadikan alasan menyekat sumbangan raja kepada negara. Melonjakkan kredibiliti sebagai raja; mendekatkan diri dengan masalah rakyat serta meningkat taraf hidup rakyat adalah juga boleh ditakrifkan sebagai maksud tersirat dalam raja berperlembagaan. Raja berperlembagaan bukan hanya merujuk kepada raja yang bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri semata-mata hatta dalam hal yang begitu jelas bermotifkan politik. Raja berperlembagaan harus bijaksana memastikan konsep 'constitutionlism' terutamanya penyalahgunaan kuasa dilaksana sepenuhnya.